

**Rakyat diajak belajar hidup bersama walaupun berbeza**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 14 , 2013**

Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Datuk Dr Mujahid Yusof mengajak semua pihak di negara ini untuk belajar hidup bersama walaupun mempunyai pandangan dan pendapat berbeza untuk sesuatu perkara.

"Kita perlu belajar hidup bersama walaupun berbeza pandangan dan pendapat," kata Dr Mujahid yang juga Pengerusi Lajnah Perpaduan Nasional PAS ketika melancarkan buku terbarunya, 'Berdialog dengan Gereja, sebuah Travelog Kedamaian', kelmarin.

Buku itu sarat dengan cerita bagaimana beliau berusaha merapatkan jurang antara agama, khususnya Islam dengan Kristian dalam meredakan ketegangan antara kedua-duanya terutama ekoran isu penggunaan kalimah Allah oleh Kristian.

Saranan Dr Mujahid diberikan selepas pada pagi sebelumnya Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global (GMMF) turut mengajak perkara yang sama.

Pengerusinya, Tan Sri Razali Ismail berkata, semua pihak perlu untuk mempromosikan kesederhanaan untuk membolehkan dunia ini aman.

Ketua Pegawai Eksekutifnya pula, Datuk Saifudin Abdullah berkata, sebelum Malaysia mengajak dunia untuk kesederhanaan, "Kita perlu juga menyelesaikan masalah yang sama dalam negara kita."

Razali, bekas Duta Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ketika menjawab masalah kumpulan pelampau termasuk Gerakan Pribumi Perkasa (Perkasa) berkata, rakyat dan negara perlu menjaga kepentingan golongan majoriti yang mahukan kesederhanaan bukan pelampau.

Bagaimanapun, sebagai sebuah negara demokrasi, golongan pelampau tidak boleh disekat hak demokratik mereka untuk memberikan pandangan tetapi dilawan dengan pendidikan dan hujah.

Pandangan diberikan mereka ketika Malaysia sedang menghadapi pelbagai masalah perbezaan pendapat dalam agama, kaum dan juga politik.

Dalam agama yang sama juga berlaku banyak perbezaan pendapat sehingga membawa cerca mencerca antara satu sama lain.

Kedudukan Malaysia juga terus jatuh dalam darjah kebahagiaan dunia.

Kedudukan Malaysia merudum dari tangga 51 pada tahun lalu ke tangga 56 berdasarkan Laporan Kebahagiaan Dunia 2013.

Dr Mujahid berkata, Islam memang mengajak kepada kesederhanaan tetapi bukannya 'Islam Sederhana - Islam Moderate' kerana Islam sudah cukup sederhana dan tidak perlu ditokok tambah lagi kepadanya.

"Kita tidak sokong 'Islam Moderate' kerana Islam ini sudah lengkap serta sederhana dan

tidak perlu ada tokoh tambah terhadapnya seolah-olah Islam ini tidak lengkap," katanya. –  
14 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rakyat-diajak-belajar-hidup-bersama-walaupun-berbeza>